

## Sedia tadbir urus diukur indeks syariah

**PUTRAJAYA** - Kesediaan kerajaan membenarkan urusan pentadbiran diukur melalui Indeks Syariah Malaysia (ISM) menunjukkan keyakinan terhadap tadbir urus yang dilaksanakan berteraskan prinsip Maqasid Syariah, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Beliau berkata, kesediaan kerajaan membenarkan pelaksanaan Islam diukur melalui ISM menunjukkan keberanian pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Kalau tidak bersedia mana mungkin kita minta pengukuran dan penyelidikan dibuat terhadap pentadbiran kerajaan, apatah lagi melibatkan lapan sektor utama

pengurusan negara," katanya berucap pada majlis menandatangani memorandum perjanjian penyelidikan ISM dengan lima universiti awam, di sini, semalam.

Perjanjian itu menyaksikan lima universiti terbabit akan menjalankan penyelidikan serta pengukuran terhadap lapan bidang utama iaitu undang-undang, ekonomi, kesihatan, pendidikan, politik, sosial, budaya dan prasarana persekitaran.

Lima universiti itu ialah Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Teknologi Mara.

- *Bernama*